



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	3/7/2018	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JAS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



Rosli (tengah) beramah mesra dengan pengusaha kilang sawit yang dianugerahkan lesen, semalam.

### JAS tingkatkan pematuhan EMT kilang sawit

KUANTAN - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang akan memperketatkan verifikasi pematuhan Environmental Mainstreaming Tools (EMT) pada skala 7/7 dengan menetapkan tempoh setahun kepada 71 pengusaha kilang sawit, negeri ini.

Pengarahnya, Rosli Zul berkata, sekiranya justifikasi itu gagal dipatuhi atau dicapai, potensi pembaharuan lesen akan terjejas termasuk mengenakan tindakan penggantungan.

Menurutnya, ini termasuklah syarat menyediakan Competence Person (Orang wibawa) yang mana nama dan kelayakannya perlu dikemukakan kepada JAS Pahang selewat-lewatnya pada 31 Julai ini.

"Bisnes perusahaan kilang sawit menunjukkan kemajuan berdasarkan permohonan beberapa kilang yang mahukan penambahan kapasiti serta terdapat permohonan kilang baharu.

"Justeru JAS meningkatkan pengurus-

an kilang yang dianugerahkan lesen ini memanfaatkan peluang sedia ada dengan menambah baik serta memantapkan lagi pematuhan EMT.

"Mana-mana kilang yang belum mencapai sasaran EMT perlu meningkatkan usaha ke arah tersebut, bagi mengelakkan pembaharuan lesen mereka pada tahun depan, terjejas. Semua akan diberikan pembaharuan lesen dalam tempoh setahun," katanya pada sidang media Majlis Penganugerahan dan Penyerahan Lesen Kilang Kelapa Sawit di Hotel Grand Darulmakmur di sini, semalam.

Dalam program tersebut seramai 71 pengusaha yang menerima lesen mengangkat sumpah dan aku janji mematuhi garis panduan pematuhan sendiri EMT.

Rosli berkata, daripada jumlah tersebut hanya 24 premis yang mencapai sasaran EMT 7/7 manakala selebihnya masih di tahap yang boleh dipertingkatkan.